

## SUMBANGAN INSTITUSI WAKAF DALAM PERKEMBANGAN ILMU SOSIAL DAN SAINS<sup>1</sup>

Dr. Razali Bin Othman<sup>2</sup>  
Universiti Putra Malaysia  
Dr. Rohayu Binti Abdul Ghani<sup>3</sup>  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK

*Institusi pendidikan, hospital, rumah-rumah geladangan (imaret), kebajikan dan tumpangan (khan), tempat-tempat mandian (hamam), pusat-pusat perniagaan (bazaar) dan kawasan Rehat dan Rawat (Caravanseraei) berteraskan wakaf telah dibina sejak di awal pemerintahan kerajaan Islam lagi. Malah, selama lebih seribu empat ratus ribu tahun sejak pewujudannya, institusi wakaf telah memainkan peranan yang cukup penting sebagai sumber pembiayaan terhadap kewujudan serta pembangunannya. Ironiknya, masyarakat hari ini sering mengaitkan wakaf sebagai institusi seperti masjid, surau dan tanah-tanah terbiar. Malah, wakaf turut dikaitkan dengan institusi yang bermasalah, tidak ekonomik dan tidak berpotensi untuk dimanfaatkan. Berlatar belakangkan senario tersebut, kertas kerja ini ditulis dengan matlamat untuk mencapai dua tujuan. Pertama, mengenal pasti peranan dan sumbangan institusi wakaf daripada aspek sejarah. Kedua, membuktikan kehebatan peranan serta sumbangan institusi wakaf masa silam. Kajian ini berbentuk kajian penerokaan. Data yang digunakan pula diperolehi daripada kajian perpustakaan yang dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan tekstual. Dapatkan kajian membuktikan bahawa institusi wakaf yang bertunjangkan al-Quran, al-Hadith dan ijmak ulama merupakan mekanisme yang masih relevan serta berupaya untuk menjadi katalis sebagai sumber pembiayaan penting bagi pembangunan ummah pada hari ini.*

*Kata kunci:* Institusi Wakaf, Sejarah Wakaf, Sumber Pembiayaan

### Pendahuluan

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) di bawah tajuk “Pelestarian Institusi Wakaf Untuk Memperkasa Pendidikan Pengajian Tinggi”, No. Geran LRGS/UKM/2/2013.

<sup>2</sup> Dr. Razali Bin Othman merupakan Pengarah Pusat Islam Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Penyelidik Bersekutu di Pusat Pembangunan Pengurusan Islam (ISDEV), USM

<sup>3</sup> Dr. Rohayu Abdul Ghani merupakan Pengarah Pembangunan Profesional dan Kepimpinan (Talent- UKM) dan Profesor Madya di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Wakaf merupakan institusi sosioekonomi unik yang disyariatkan oleh Rasulullah SAW di Madinah lebih 1400 tahun yang lalu (Muhammad Yousuf Farooqi, 1992; Hossein Esmeili, 2009). Sejak itu, institusi wakaf terus diamalkan dan berkembang subur di seluruh dunia Islam. Malah, peranan dan sumbangan institusi wakaf telah menjadi mercu tanda kepada kehebatan lanskap Islam; daripada binaan yang hebat seperti Taj Mahal di India kepada jambatan Mostar di Bosnia, daripada masjid Al-Aqsa di Jerusalem kepada Universiti Al-Azhar di Mesir, daripada hospital kanak-kanak Shishi di Istanbul, Turki kepada Pengairan Air Zubaida di Mekah (Siraj Sait & Lim, 2006). Tegasnya, institusi wakaf telah diterima dan menjadi satu sistem kehidupan yang sangat penting, dan sekali gus telah memainkan peranan sebagai sumber pembiayaan dalam pelbagai bidang kehidupan masyarakat Islam khususnya, dan bukan Islam amnya.

### **Institusi Wakaf: Mekanisme Penjanaan, Perpindahan dan Pengagihan Harta**

Apakah sebenarnya institusi wakaf? Adakah institusi wakaf sekadar rumah-rumah ibadat atau tanah-tanah terbiar? Apa pula kehebatannya sehingga institusi ini mampu berfungsi sebagai sumber pembiayaan yang cukup penting sepanjang sejarah ketamadunan Islam? Benarkah, atau sekadar kenyataaan yang bersifat falasi?

Dalam kalangan masyarakat Melayu dan Indonesia, wakaf dilihat sebagai sebuah binaan rumah kecil bagi tujuan untuk berehat atau berteduh (Utaberta, et al 2011). Namun begitu, perkataan wakaf sebenarnya berasal daripada terma “*waqf*” atau “*waqafa*” (kata jamak) dalam bahasa Arab yang bermaksud “menahan”, “menegah” atau “berhenti” (Ibnu Munzur, 1990; Wehr, 1971). Wakaf membawa maksud “pembekuan” hak milik bagi faedah tertentu apabila dikaitkan dengan harta seperti tanah atau bangunan. *Berhenti* pula bermaksud menyerahkan hak milik secara keseluruhan kepada pemilik asal iaitu Allah SWT. Takrifan di atas dibuat berdasarkan konsep asas wakaf yang dapat dilihat dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang telah menjadi *locus classicus* dalam kalangan ilmuan Islam apabila membincangkan wakaf. Antara maksud hadis tersebut ialah:

“bahawa Saidina Umar ra pernah berkata: Wahai Rasulullah SAW, saya telah memperolehi harta yang saya tidak pernah perolehi sebelum ini dan saya ingin menghampiri Allah SWT menerusinya, lalu dijawab oleh Rasulullah SAW, Tahankan (wakafkan) asal harta itu dan sedekahkan hasilnya. Lalu Saidina Umar

ra jadikan hartanya itu (tanah perolehan di Khaibar sebagai harta sedekah yang tidak boleh dijual, dibeli dan diwarisi" (Riwayat al-Bukhari, No. Hadith 938).

Jika diteliti hadith di atas, jelas bahawa konsep wakaf sebagai salah satu mekanisme untuk penjanaan, perpindahan dan pengagihan kekayaan harta dalam masyarakat Islam. Keistimewaan dan keunikan wakaf terletak kepada konsep pemisahan antara hak pemilikan dan hak penggunaan. Atas dasar inilah faedah yang boleh dinikmati daripada aset wakaf berbentuk kekal kerana ia tidak bergantung kepada entiti pemilik yang bersifat sementara seperti tercatat dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim bahawa Rasullullah SAW bersabda yang bermaksud, "Jika anak Adam telah meninggal, maka putuslah semua amalnya kecuali tiga; sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak sholeh yang mendoakan keduanya" (Riwayat Muslim, No. Hadith 3084).

### **Sumbangan Institusi Wakaf Dalam Pembangunan Ilmu**

Institusi wakaf yang berkait rapat dengan agama dan sistem sosioekonomi masyarakat Islam jelas telah memainkan peranan yang sangat besar di sepanjang sejarah keagungan pemerintahan kerajaan Islam. Institusi ini telah berkembang dan diterima sebagai satu daripada sumber pembiayaan penting dalam membangunkan masyarakat, khususnya dalam memberikan akses kepada sumber-sumber asas dan sistem sokongan secara percuma.

Kepentingan dan kehebatan institusi wakaf dalam pembangunan sosioekonomi ini dibahaskan dengan jelas oleh Adam Sabra (2000) dan Murad Cizakza (2000) dalam buku-buku mereka iaitu *Poverty and Charity in Medieval Islam Mamluk Egypt 1250-51* dan *A History of Philanthropic Foundation: Islamic World From The Seventh Century to the Present*. Kedua-dua buku tersebut telah menganalisis dan menjelaskan tentang sikap masyarakat Islam terhadap peranan institusi wakaf dalam membangunkan sosioekonomi dalam kalangan masyarakat. Menurut mereka, pada zaman pertengahan, sebahagian besar daripada kebajikan dan perkhidmatan sosial dalam dunia Islam disumbangkan melalui institusi wakaf. Malah, hampir setiap orang pada ketika itu mendapat manfaat daripada sumber wakaf ini seperti mana yang dijelaskan oleh Stillman (1990). Sementara itu, Razali Othman (2013) dalam bukunya *Institusi Wakaf: Amalan dan Pelaksanaan Masa Kini* bukan sahaja telah mengulas buku-buku berkenaan, malah membuktikan kerelevan aplikasi institusi wakaf sebagai sumber pembiayaan ummah pada hari ini. Dengan mengambil contoh semasa era pemerintahan Seljukid dan empayar Uthmaniah daripada pertengahan abad

ke-8 sehingga akhir abad ke-19, menurut Razali Othman (2013) lagi bahawa ribuan individu tanpa mengira fahaman dan kepentingan diri telah mewakafkan harta milik mereka untuk kemajuan masyarakat. Bangunan-bangunan yang terkenal yang dipanggil *kulliye* telah dibina, diselia dan dilaksanakan melalui pembiayaan institusi wakaf. Bangunan-bangunan ini berfungsi sebagai pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi dalam kawasan perbandaran dan masyarakatnya.

Kompleks Suleymaniye yang dibina pada tahun 1556 di Istanbul misalnya, merupakan kompleks yang terbesar yang terdiri daripada masjid Suleymaniye, dua buah makam, empat buah madrasah untuk pendidikan, sekolah perubatan, hospital, kolam mandi (*hammam*), tempat penyediaan dan penyajian makanan, rumah-rumah tumpangan dan pusat-pusat perniagaan (Kafadar 1991). *Imaret* atau Pusat Penyediaan Makanan (*Public Kitchen*) yang merupakan salah satu entiti institusi wakaf yang sangat terkenal dalam menyediakan makanan kepada orang-orang miskin secara percuma (Singer 2002). Menurut Singer lagi, sehingga tahun 1530 terdapat tidak kurang daripada 83 buah imaret telah dibina di bawah kerajaan Uthmaniah. Di Erdine umpamanya, *imaret* yang dibina telah menyediakan makanan secara percuma kepada 2,600 orang daripada sejumlah 22,000 orang penduduknya setiap hari. Jumlah *imaret* di atas tidak mengambil kira bilangan yang sedia ada di Istanbul, Egypt dan Hijaz dan ribuan projek lagi yang sedang dibina selepas tahun berkenaan. Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) yang cukup dikenali oleh pengguna lebuh raya di negara ini telah wujud sejak di awal pemerintahan kerajaan Uthmaniah lagi seperti yang dibahaskan oleh Aysil Tukel Yayus (1981). Bangunan berbentuk segi empat besar yang dinamakan sebagai *Caravanseraei* dibina dengan sumber wakaf telah menjadi tempat hentian dan penginapan yang cukup penting dalam kalangan pedagang dan penggembala yang melalui laluan sutera<sup>4</sup>. Malah, dalam era pemerintahan Seljuk, caravanseraei telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Malah, bangunan-bangunan penginapan ini sering dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti kerajaan Seljuk yang dibiayai sepenuhnya melalui wakaf<sup>5</sup>.

<sup>4</sup> Dalam satu peristiwa, Samuel Ben David bersama tiga orang rakannya telah menggembala daripada Mesir ke Turki pada tahun 1641-42. Dalam penggembalaan tersebut, Samuel telah menceritakan bahawa mereka telah menemui caravanseraei atau rumah tumpangan pada setiap malam kecuali pada dua perkampungan kecil di sepanjang perjalanan berkenaan. Lihat Bahaeddin Yediyildiz (1996b:8).

<sup>5</sup> Untuk bacaan tambahan, sila lihat Osman Turan (1970:258-259), Davidovich (1998:140-142) dan Constable (2003:256).

Hamam atau tempat mandian berteraskan wakaf telah turut dibina yang bukan sahaja memberi peluang kepada pelbagai golongan masyarakat beriadah, tetapi mekanisme pelaksanaannya serta pengurusannya dibuat mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh Islam. Antaranya termasuklah pengasingan tempat mandian lelaki dan wanita (Orhan Yilmazkaya, 2003). Selepas penaklukan kota Istanbul, Sultan Mehmet telah membina 19 buah hamam di Istanbul dengan lima buah hamam tersebut telah dibina dengan saiz besar yang boleh memuatkan sehingga 5000 orang. Pendapatan yang diperolehi daripada hamam digunakan untuk membiayai bangunan-bangunan dalam kumpulan kuliyye tersebut<sup>6</sup>.

Sementara pengkaji-pengkaji seperti Hussain Nagamia (1986, 2001), Omar Hasan Kasule (1998), Hussein Rassoo (2000), Abouleish (2000), Al-Ahram (2002), Gorini (2002), Nelson (2010), McDonald (2010), Ross (2010) dan Razali Othman (2009, 2013) dalam kajian-kajian mereka telah membuktikan bahawa wakaf telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan hospital. Malah, menurut Hussain Nagamia (1986), idea hospital sebagai sebuah institusi untuk merawat pesakit tidak wujud sebelum kehadiran Islam. Tambahnya lagi, pada ketika itu hanya terdapat sanatoria dan rumah tumpangan yang disambungkan dengan rumah-rumah ibadat yang diuruskan oleh para paderi. Kedatangan Islam telah mengubah cara rawatan tradisional yang berasaskan kepercayaan-kepercayaan karut dan mistik ini kepada sistem rawatan yang lebih canggih dan saintifik<sup>7</sup>. Menjelang akhir abad ke-13, hospital telah menjadi satu institusi yang sangat penting dalam dunia Islam. Di bandar Baghdad sendiri terdapat lebih daripada 34 buah hospital utama. Sementara itu, di Cardoba, Spain pula terdapat 50 buah hospital yang telah dibina. Antara hospital yang terkemuka termasuklah Hospital al-Nuri dan al-Qaynari di Damascus (1156M), al-Salahani di Jerusalem (1187M), al-Sayyidah, al-Mugtadiri dan al-Adudi di Baghdad (918M & 981M), al-Fustat dan al-Mansuri di Cairo (872M & 1248M), al-Qayrawan di Tunisia (830M), al-Arghun di Aleppo (1344M) dan hospital Marakesh di

---

<sup>6</sup> Untuk bacaan tambahan, sila lihat juga Behrens-Abouseif (1989: 41-44), Telmissany et al., (2008) dan Bonine (2009: 635).

<sup>7</sup> Sara Al-Rawi & Fetters (2012:164) menjelaskan bahawa perkembangan perubatan Arab terbahagi dalam tiga fasa. Fasa pertama ialah fasa penterjemahan kitab-kitab perubatan oleh Hippocrates dan Galen, ahli falsafah Plato dan Aristotle dan ahli matematik Euclid dan Archimedes ke dalam bahasa Arab. Fasa kedua, perkembangan ilmu perubatan dalam kalangan orang-orang Islam dan fasa ketiga pula bermula pada abad ke-12 dengan penterjemahan kitab-kitab perubatan Arab ke dalam bahasa Latin. Lihat juga Saad, Azaizeh & Said (2006).

Morocco yang dibina pada tahun 1190M. Hospital-hospital yang dibina ini turut dilengkapi dengan kemudahan perpustakaan yang besar yang menjadi sumber rujukan pelajar perubatan dan doktor. Hospital Ibn Tulun di Mesir umpamanya dilengkapi dengan perpustakaan yang mempunyai 100,000 buah buku dalam pelbagai bidang perubatan pada abad ke-14. Pada era yang sama, Universiti Paris yang mempunyai perpustakaan terbesar di Eropah hanya mempunyai 400 buah buku sahaja. Salah sebuah hospital yang terbesar dan termasyur pada ketika itu ialah Hospital Mansuri yang telah dibina di Cairo pada tahun 1248. Hospital ini menyediakan rawatan perubatan kepada 8,000 pesakit sehari secara percuma. Kehebatan hospital-hospital Islam ini juga telah turut berjaya melahirkan doktor-doktor terkemuka yang telah menjadi rujukan para pengamal perubatan di negara-negara barat sehingga akhir abad ke-18 seperti al-Razi (841-926M), al-Zahrawi (931-1013M), Ibn-Sina (980M-1037M), Ibn-Rushd (1126M-1198M), Ibn-Maimom (1135M-1204M), dan Ibn-El-Nafis (1208M-1288M). Pelbagai jenis harta seperti wang tunai, taman bunga, gudang, pasar dan deretan kedai telah diwakafkan oleh golongan masyarakat untuk membiayai pengurusan hospital tersebut.

Sistem pendidikan yang baik akan membentuk sifat dan cara pemikiran generasi sesebuah negara. Malah, kehebatan sesuatu tamadun itu dibentuk hasil daripada masyarakatnya yang berpendidikan serta berpengetahuan. Dalam hal ini, institusi wakaf dan pendidikan tidak dapat dipisahkan seperti yang tercatat dalam kajian-kajian oleh Makdisi (1981), Hassan Langgulung (1987), Othman Alhabshi (1991), Monzer Kahf (1998) dan Razali Othman (2011, 2013). Dengan kata lain, kemajuan institusi wakaf ini menyebabkan berkembangnya institusi pendidikan Islam yang menghasilkan manusia yang rajin memberi wakaf, sehingga yang satu menumpang yang lain<sup>8</sup>. Dilihat daripada aspek sejarah, Masjid Quba yang telah dibina oleh Rasulullah SAW di Madinah merupakan sebuah institusi pendidikan yang terawal<sup>9</sup>. Institusi pendidikan terus berkembang dalam dunia Islam pada zaman pemerintahan kerajaan Bani Umayyah dengan penubuhan entiti pendidikan seperti kuttab, madrasah dan Baitul Hikmah, yang

<sup>8</sup> Lihat Hassan Langgulung (1987).

<sup>9</sup> Baginda Rasulullah SAW menegaskan bahawa masjid merupakan pusat pembinaan masyarakat baik dari aspek rohani maupun fizikal. Masjid Quba yang diwakafkan oleh Rasulullah SAW pada tahun 622M ini telah dibangunkan berdasarkan sifat ketakwaan kepada Allah SWT, selari dengan firman-Nya yang bermaksud: "Janganlah engkau sembahyang di masjid itu buat selamanya, kerana sesungguhnya Masjid (Quba), yang telah didirikan di atas dasar takwa dari mula lebih patut engkau sembahyang di dalamnya. Di sana ada lelaki yang suka membersihkan dirinya; dan Allah Mengasihi orang yang membersihkan diri mereka." (Surah al-Tawbah 9:108)

semuanya telah diwakafkan oleh pembesar dan pemerintah kerajaan. Para pembesar dan pemerintah juga telah memerintahkan supaya wang yang diperolehi dibahagi-bahagikan kepada penuntut dan tenaga pengajar bagi memenuhi keperluan hidup mereka. Pada zaman Abbassiyah (754-1258M), Ayyubiah (1171-1249M) dan Uthmaniah (1299-1924M), institusi wakaf terus berkembang pesat dengan pembinaan ribuan buah sekolah, madrasah, perpustakaan dan universiti. Terdapat lebih daripada 70 buah sekolah yang dibiayai sepenuhnya melalui sumber wakaf dalam abad yang ke-12 di Jerusalem. Sementara itu, sebanyak 142 buah universiti di Turki, 87 buah sekolah dan universiti di Cyprus dan masing-masing 800 dan 786 buah universiti di Cecennestan dan Azerbaijan telah dibangunkan dan dibiayai oleh sumber wakaf. Universiti al-Azhar di Mesir yang dibina pada tahun 975 M merupakan sebuah universiti yang tertua di dunia yang juga dibiayai sepenuhnya daripada sumber wakaf menyedia dan memberi pendidikan secara percuma daripada pendidikan rendah sehingga pendidikan universiti (Hashim 1990). Pada tahun 1986, sejumlah £147,324,300 telah diperuntukkan oleh Universiti al-Azhar untuk membiayai aktiviti-aktiviti pembangunan dan pendidikan termasuk perbelanjaan mengurus 55 buah fakulti yang sedia ada dengan 6,154 orang tenaga pengajar (849 profesor, 819 profesor madya, 1,517 pensyarah, 1456 pembantu pensyarah dan 1,510 orang “readers”). Al-Azhar bukan sahaja terkenal dengan sumbangannya kepada pembangunan pendidikan Islam tetapi juga kepada aktiviti-aktiviti dakwah di seluruh dunia (Othman al-Habshi 1991; Monzer Kahf 1998).

Dalam hal yang sama, Bahaeddin Yediyildiz (1996) menegaskan bahawa institusi wakaf telah memberi sumbangan yang sangat hebat dalam pembangunan diri insan sejak dilahirkan sehingga kembali menemui Penciptanya Allah SWT. Antara lain, beliau menyebut:

“Insan dilahirkan dalam rumah wakaf, tidur dalam buaian wakaf, makan dan minum daripada harta wakaf, membaca buku yang diwakafkan, menerima pendidikan di sekolah wakaf, menerima gaji daripada pentadbiran wakaf dan bila insan ini meninggal dunia, diletakkan dalam keranda dan dikebumikan di tanah kubur yang diwakaf (Bahaeddin Yediyildiz, 1996:3)”.

## **Institusi Wakaf dan Pelaksanaannya di Negara Barat**

Model wakaf juga telah mempengaruhi masyarakat Barat sehingga model ini menjadi asas penting pembangunan masyarakat menerusi penubuhan institusi-institusi pendidikan, perkhidmatan sosial dan kebajikan (Gaudiosi 1988). Pada tahun 1264, Walter de Merton yang pernah bertugas sebagai Canselor Raja England di Jerusalem telah menubuhkan Kolej Merton di University Oxford melalui konsep wakaf.

Sementara itu, kajian yang dibuat oleh *The Sutton Trust* (2014) mendapati bahawa 10 buah universiti terkemuka di Amerika Syarikat dan United Kingdom masing-masing mengumpul sejumlah RM417.6 bilion dan RM55.25 bilion dalam bentuk pembiayaan. Kajian oleh *National Association of College and University Business Officers* mendapati sejumlah RM1 trilion pembiayaan terkumpul di 120 buah universiti di Amerika Syarikat. Universiti Harvard di Amerika Syarikat sahaja mengumpul sejumlah RM86.9 bilion dalam bentuk pembiayaan yang digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti pendidikan dan penyelidikan, penyelenggaraan perpustakaan dan pengendalian tabung biasiswa. Penubuhan tabung-tabung amanah dan yayasan kebajikan atau *foundation* berdasarkan konsep wakaf ditubuhkan dan berkembang subur di negara-negara Barat. Antara lain, yayasan kebajikan ini bertujuan untuk menyokong dan meningkatkan kegiatan seni, kebajikan dan perlindungan kanak-kanak, korporat, pendidikan, persekitaran, kewartawanan, penyelidikan perubatan dan agama. The Alfred P. Sloan Foundation yang ditubuhkan pada tahun 1934 mempunyai aset sebanyak RM5.2 billion bermatlamat untuk membantu dan menyokong pembangunan sains dan teknologi, peningkatan prestasi ekonomi dan kehidupan, pendidikan dan program-program sivik. Pendekatan baru terhadap pemilikan sumber alam dengan menggunakan pendekatan *public trust* telah mula dijadikan amalan khususnya di Amerika Syarikat dan Britain. *The Trust for Public Land* (TPL) dan *The National Park Trust* (NPT) yang ditubuhkan pada tahun 1972 dan 1982 di Amerika Syarikat misalnya berperanan membantu masyarakat mewujudkan *greenprint for growth* dengan melindungi dan mempromosikan kepentingan tanah awam.

## Kerelevanan Aplikasi Semula Institusi Wakaf

Perbahasan sebelum ini telah membuktikan bahawa institusi wakaf telah memainkan peranan yang besar sebagai pemangkin terhadap pembangunan sosioekonomi ummah. Malah, konsep-konsep dalam pelbagai istilah seperti *trust fund*, *foundation* dan *estate planning* telah diamalkan dalam negara Islam menerusi wakaf lebih daripada 1400 tahun yang lalu. Ironiknya, umat Islam pada hari ini lebih mengenali konsep tersebut daripada konsep wakaf. Lebih malang lagi, institusi wakaf hanya dikaitkan dengan tanah kubur, tanah terbiar, masjid dan madrasah. Ini secara langsung telah mempengaruhi corak, amalan dan pengurusan umat Islam dalam berwakaf, seterusnya telah menyebabkan institusi-institusi Islam sama ada tinggal nama sahaja atau menghadapi pelbagai masalah pengurusan dan tidak dilaksanakan mengikut kaedah yang sesuai.

Telah tiba masanya, khususnya bagi masyarakat Islam di Malaysia dan di seluruh dunia Islam untuk melihat kepentingan, seterusnya meletakkan semula institusi wakaf dalam arus pembangunan perdana. Institusi pendidikan, hospital, rumah-rumah geladangan (imaret), kebajikan dan tumpangan (khan), tempat-tempat mandian (hamam), pusat-pusat perniagaan (bazaar) dan kawasan Rehat dan Rawat (Caravanseraei) berteraskan wakaf seperti dibahaskan sebelum ini telah wujud serta berkembang pesat dewasa ini. Ketidakcekapan sumber manusia dalam menguruskan institusi wakaf, sumber kewangan yang terhad dan polisi serta sistem perundungan yang tidak mantap perlu dijadikan sebagai cabaran untuk mengembalikan kehebatan institusi ini. Sementara kesedaran, keyakinan dan kepercayaan dalam kalangan pentadbir wakaf dan masyarakat terhadap keperluan serta kerelevanan penerapan semula institusi wakaf perlu dipertingkatkan. Perancangan negara-negara penjajah secara sengaja dan terancang untuk memusnahkan institusi wakaf di negara-negara Islam perlu dilihat dalam perspektif yang positif (Razali Othman, 2004a, 2004b, 2010). Dengan kata lain, penerapan semula ini dilakukan bukan sekadar untuk menjana pendapatan, tetapi lebih merupakan tuntutan fardhu kifayah bagi setiap umat Islam. Dalam masa yang sama, mekanisme wakaf yang lebih inovatif, kreatif, mudah diurus, merentasi pelbagai golongan masyarakat dan berpotensi menghasilkan pelaburan bagi menjana perolehan secara berterusan perlu diteliti semula. Oleh itu wakaf yang menggunakan wang atau wakaf tunai<sup>10</sup> perlu dirangka untuk memberi peluang kepada pihak pengurusan

---

<sup>10</sup> Lihat perbahasan wakaf tunai dalam Razali Othman (2014:23) dan Razali Othman (2011b) berkaitan penerapan strategi segitiga pemasaran Islam dalam membangunkan semula institusi wakaf.

institusi wakaf menceburkan diri dalam aktiviti yang memberikan pulangan berimpak tinggi. Kesungguhan serta kekuatan politik pula harus mendepani usaha untuk merealisasikan matlamat mengarusk perdanakan semula institusi wakaf yang sekian lama terpinggir.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, institusi wakaf yang berkembang subur dengan pelbagai produk dalam dunia Islam seperti yang dibahaskan sebelum ini telah menjadi tunjang perkembangan ilmu sosial dan sains. Malah, wakaf dan ilmu berkembang seiringan yang telah membawa kepada tamadun ilmu yang sangat tinggi yang kemudiannya diambil oleh masyarakat Barat. Usaha yang bersungguh-sungguh serta cabaran-cabaran yang dibincangkan perlu dijadikan asas dalam membangunkan serta mengaplikasikan semula institusi wakaf. Penelitian sejarah telah membuktikan kehebatan institusi wakaf, dan ini seharusnya dijadikan sebagai landasan awal untuk mengembalikan serta meletakkan semula institusi ini ke tempat asalnya. Hasil penjanaan harta-harta wakaf nanti pastinya akan dapat menjadi sumber pembiayaan untuk bukan sahaja untuk membangunkan serta mengukuhkan sosioekonomi, tetapi mengembalikan semula kehebatan ilmu sosial dan sains yang dicetuskan oleh masyarakat Islam. .

## Rujukan

- Al-Quranul Karim. LTQ.KDN.Q.913(44)96. Pulau Pinang:Percetakan Almuarif Sdn. Bhd. 2000.
- A. Uner Turgay, Impact of Waqf Institutions on the Social and Economic Development in the Muslim World. McGill University, Canada: Institute of Islamic Studies. 2003.
- Abouleish, E., "Contribution of Islam to Medicine" dlm. Shahid Athar, Islamic Perspective in Medicine, Edinburgh, UK: Edinburgh University Press. 1993.
- Adam Sabra, *Poverty and Charity in Medieval Islam, Mamluk Egypt, 1250-1517*. Cambridge, UK: Cambridge University Press. 2000.
- Aysil Tukel Yayuz., "Transportation of Historic Monument as a Means of Conservation and Restoration" dlm. Congress International: Conservation, Rehabilitation and Recyclage, Quebec, Canada: Les Presses De L' Universite Laval. 1981
- Bahaeddin Yediyildiz., The Habitable Town and The Turkish Waqf System. Kertas kerja dibentangkan di HABITAT II, United Nation di Istanbul, Turki. 1996a
- Bahaeddin Yediyildiz, 1996b. Place of the Waqf in Turkish Cultural System. Istanbul, Turki: The Foundation of Turkey. 1996b.
- Fratcher, W.F. "The Islamic Waqf". Missouri Law Review. 1971.
- Gaudiosi, M.M., "The Influence of the Islamic Law of Waqf on the Development of the Trust in England: The Case of Merton College". *University of Pennsylvania, Law Review*, 136(4), 1988.
- Gorinni, R. Attention and Care to the Madness during the Islamic Middle Age in Syria: The Example of Bimaristan Al-Arghun. Rome, Italy. 1990.
- Gorinni, R. "Bimaristans and Mental Health in Two Different Areas of the Medieval Islamic World". Journal of the International Society for the History of Islamic Medicine (JISHIM), 6-7, 2008.
- Hashim, R., Ekonomi dan Pendidikan : Peranan Institusi Wakaf. Jurnal Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam (ABIM). 1990.
- Hassan Langgulung. "Menghadapi Abad Ke 21". Penerbitan Tidak Berkala UKM. 1988
- Hassan Langgulung, "Pendidikan Menghadapi Abad Ke 21". Jurnal Pendidikan, Bandar Baru Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 1987.
- Hossein Esmaeili, *The Relationship between the Waqf Institution in Islamic Law and the Rule of Law in the Middle East*. Kertas kerja dibentang di International Conferences on Waqf Laws and Management pada 20-22 Oktober 2009.
- Hussain Nagamia. Islamic Medicine History and Current Practice. Chairman International Institute of Islamic Medicine. President of Islamic Medical Association, University of South Florida Medical School, Tampa, Florida. 1992.
- Hussain Nagamia. "Islamic Medicine History and Current Practices". Journal of the International Society for the History of Islamic Medicine, 2, 2003.
- Ibnu Munzur, *Lisan al-'Arab*. Bairut: Dar a-Fikr. 1990.
- Kafadar, G.N., "The Süleymaniye Complex in Istanbul: An Interpretation". *Muqarnas*. Vol. 3. 1991.
- Kamus Dewan*, Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). 2007.
- Makdisi, G., *The Rise of Colleges: Institution of Learning in Islam and the West*. Edinburgh, UK: Edinburgh University Press.1981.

- Muhammad Yousuf Farooqi, "The Institution of Waqf in Historical Perspective". *Hamdrad Islamicus*, 13(1). 1992.
- Nelson, S. "The Nightingale Imperative" dlm. Nelson, S. & Rafferty, A.M. (peny.), Notes on Nightingale: The Influence and Legacy of a Nursing Icon, hlm. 9-27, Cornell, USA: Cornell University Press. 2010
- Omar Hasan Kasule. Historical Roots of the Nursing Profession in Islam, Kertas kerja dibentangkan di 3rd International Nursing Conference "Empowerment and Health: An Agenda for Nurses in the 21st Century" di Brunei Daras Salam pada 1-4hb November 1998.
- Orhan Yilmazkaya. "Turkish Bath: A Light onto a Tradition and Culture". Istanbul Turkey: Cetembik Publication. 2003.
- Othman AlHabshi, "Waqf Management in Malaysia". dlm. Mohamed Arif (peny.). *Islam and the Economics Development in South East Asia – The Islamic Voluntary Sector in South East Asia*, Singapura: Institute of South East Asian Studies. 1991.
- Razali Othman. "The Influences of Colonization on the Perception and Practices of Waqf". Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Journal, Vol. 12/1. 2004a.
- Razali Othman. "Poverty Reduction: Does the Institution of Waqf Help. Kertas Kerja Malaysian Research Group Annual Conference Ketiga. Di Manchester, UK. 4 Jun 2004b.
- Razali Othman. "Usaha Manipulasi dan Menghapus Institusi Wakaf oleh Penjajah Barat" dlm. Bahdin Nur Tanjung & Farid Wajdi (Peny.) Wakaf & Pemberdayaan Umat, Jakarta, Indonesia: Sinar Grafika. 2010.
- Razali Othman. "Pembasmian Kemiskinan: Peranan dan Sumbangan Institusi Wakaf". dlm. Zakaria Bahari, Fadzila Azni Ahmad & Roselee Shah Shaharudin (peny.) Pengurusan Ilmu, Ekonomi dan Pembangunan Berteraskan Islam, Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM). 2011a.
- Razali Othman, Pemasaran Wakaf: Membina dan Meningkatkan Penyertaan Pengguna Melalui Aplikasi Model Segitiga Pemasaran Perkhidmatan, Kertas kerja dibentangkan di 5th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2011), Anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), pada 13-14 Disember 2011b.
- Razali Othman, *Institusi Wakaf: Sejarah dan Amalan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2013.
- Razali Othman, *Wakaf Tunai: Sejarah dan Amalan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2014.
- Rohani Hashim. "Ekonomi dan Pendidikan: Peranan Institusi Wakaf". *Jurnal Pendidikan Islam*, 3(1), 1990.
- Ross, S. "Florence Nightingale". London, UK: White Thomson Publishing Ltd. 2010.
- Saad, B., Azaizeh, H., & Said, O. "Tradition & Perspective of Arab Herbal Medicine: A Review". Based Complement Alternat Med, 2(4), 2005.
- Sara Al-Rawi & Fetters, M.D, "Traditional Arabic and Islamic Medicine: A Conceptual Model for Clinician and Reserachers". Global Journal of Health Science, 4(3), 2012.
- Siraj Sait & Lim, H., *Land, Law and Islam: Property and Human Right in the Muslim World*. London, UK: Zed Books Ltd., 2006.
- Singer A., *Constructing Ottoman Beneficiense: An Imperial Soup Kitchen in Jerusalem*. Albany, New York, USA: State University of New York Press. 2002.

- Singer. A., Serving Up Charity: The Ottoman Public Kitchen, Journal of Interdisciplinary History - Volume 35, Number 3. 2004.
- Stillman, A.N. "Charity and Social Service in Medieval Islam". Societal A Review of Social History. 5(2), 1975.
- Stillman, A.N. "Waqf and the Ideology of Charity in Medieval Islam". dlm. Hunter of the East Studies in Honour of Clifford Edmund Bosworth, Vol. 1, ed. Ian R. Netton, Brill Academic Publishers: Leiden. 2000.
- Wehr, H., *A Dictionary of Modern Written Arabic*. Ithaca: Spoken Language Services. 1971.
- Utaberta, N., Surat, M & Spalie, N., "Isu dan Kepentingan Dokumentasi Serta Klasifikasi Dalam Kajian, Pendekatan dan Interpretasi Terhadap Seni Bina Islam Moden di Nusantara". *Jurnal Design + Built*, Vol. 4. 2011.